

34 individu ditahan, 13 motosikal disita

23 Mei 2022



JSPT Kuala Lumpur menjalankan operasi bersepadu di sekitar pusat bandar hingga awal pagi semalam.

34 individu ditahan, 13 motosikal disita

Kuala Lumpur: Seramai 34 individu ditahan dan 435 saman dikeluarkan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur atas pelbagai kesalahan dalam operasi pada Jumaat hingga awal pagi semalam.

Ketua JSPT Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Sarifudin Mohd Salleh berkata, kesemua yang ditahan berusia 16 hingga 68 tahun.

Menurutnya, operasi membabitkan kekuatan 103 pegawai dan anggota dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar itu dijalankan di sekitar pusat bandar raya, Jalan Raja Laut, Jalan Genting Klang, Jalan Kuching, Jalan Lingkaran Tengah 2 dan Lebuhraya Dutau-Ulu Klang.

"Dalam operasi berkenaan, seramai 23 individu ditahan kerana memandu di bawah pengaruh alkohol.

"Mereka dibawa ke Balai Polis Trafik Kuala Lumpur dan akan didakwa mengikut Seksyen 45(A) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

"Polis turut menahan lapan lelaki tempatan yang menunggang dalam keadaan merbahaya dan melakukan aksi zig-zag, roket, Superman serta bersaing. Mereka juga dibawa ke balai untuk siasatan mengikut Seksyen 42(1) akta sama," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Selain itu, beliau berkata, JSPT menahan seorang lelaki berusia 20 tahun yang



Polis turut menahan lapan lelaki tempatan yang menunggang dalam keadaan merbahaya dan melakukan aksi zig-zag, roket, Superman serta bersaing. Mereka juga dibawa ke balai untuk siasatan mengikut Seksyen 42(1) akta sama"

Sarifudin Mohd Salleh

menunggang motosikal di Jalan Raja Laut selepas pemeriksaan menemui satu pekuk lutsinar berisi daun kering disyaki dadah jenis kanabis dengan anggaran berat 0.86 gram.

"Suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi dan ujian air kencing dilakukan mendapati dia positif dadah. Suspek ditahan mengikut Seksyen 6 dan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Dalam pada itu, katanya, pihaknya turut menahan dua lagi lelaki masing-masing bagi kesalahan menunggang motosikal curi dan menghalang tugas penjawat awam.

Menurutnya, sebanyak 13 motosikal disita mengikut Seksyen 64 APJ 1987 kerana mengubah suai ekzos kenderaan.